

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH	: 7 MAC 2024
AKHBAR	: TVS
PAUTAN	: <a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/07/parlimen-golongan-pertengahan-bumiputera-akan-diperkasa/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/07/parlimen-golongan-pertengahan-bumiputera-akan-diperkasa/</a>

### Parlimen: Golongan pertengahan Bumiputera akan diperkasa



Dewan Rakyat dimaklumkan golongan pertengahan Bumiputera menjadi fokus Kerajaan Persekutuan untuk diperkasakan bagi menjana ekonomi negara. Foto, Bernama.

KUALA LUMPUR, 7 Mac: Golongan pertengahan Bumiputera menjadi fokus Kerajaan Persekutuan untuk diperkasakan bagi menjana ekonomi negara, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Jelas beliau, golongan itu mampu mencipta nilai kepada ekonomi dengan membina perniagaan serta meningkatkan pendapatan dan bukan hanya bergantung kepada pekerjaan bergaji sahaja.

Usaha ini katanya akan dapat mengukuhkan daya saing dalam pelbagai bidang dan sektor.

“Tumpuan juga (diberikan kepada) penskalaan, pembangunan bakat, meningkatkan pendapatan dan menoktahkan kemiskinan tegar,” katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Zahir Hassan (Pakatan Harapan – Wangsa Maju) yang ingin tahu arah dan pendekatan baharu yang dirancang oleh kerajaan susulan penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) baru – baru ini untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi Bumiputera.

Sementara itu Rafizi berkata, golongan pertengahan Bumiputera tidak setara berbanding golongan pertengahan bukan Bumiputera kerana mereka berada di dalam profesi bergaji.

“Untuk menggalakkan kelas pertengahan Bumiputera mencipta nilai, maka kita perlu beralih dari mobilisasi kapital yang bergantung kepada agensi kerajaan kepada mobilisasi kapital yang berkitar di kalangan golongan profesional, menengah dan atasan Bumiputera.

“Sebab itu tumpuan sepatutnya lebih kepada membina ekosistem, dari segi undang-undang, insentif percuariaan, pembinaan bakat pelaburan di kalangan kelas tengah profesional,” katanya.

Rafizi turut memaklumkan sidang dewan yang kesemua input ketika sesi libat urus KEB2024 pada 29 Februari hingga 2 Mac akan dicerakin untuk diterjemahkan ke dalam Hala Tuju Agenda Baru Pemerksaan Bumiputera.

“Pelan Jangka Panjang Agenda Baharu Pemerksaan Bumiputera yang lebih segar dan inklusif tanpa meminggirkan peranan oleh semua etnik di Malaysia akan dirangka untuk tempoh 10 tahun akan datang dan dijangka diluncurkan pada Jun 2024,” katanya. -TVS